

SULIT

011

NO. KAD PENGENALAN/NO. SURAT BERANAK

<input type="text"/>											
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

ANGKA GILIRAN

<input type="text"/>						
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

Disediakan Oleh:

Guru Akram, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu
dengan Pembiayaan Kerajaan Negeri Terengganu

UJIAN PRAPERCUBAAN UPSR 2012

BAHASA MELAYU – KEFAHAMAN

011

Julai 2012

50 minit

Lima puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dicetak Oleh:

*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

011

[Lihat sebelah
SULIT

Soalan 1 hingga Soalan 21*Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.*

- 1 Pengacara majlis telah menyampaikan se _____ pantun semasa memulakan ucapan alu-aluan sambutan Hari Guru.

- A baris
- B rangkap
- C patah
- D untai

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.

- 2 Encik Arman _____ buah rambutan sementara dua orang anaknya mengumpul buah-buah rambutan yang gugur.

- A mengait
- B memetik
- C menarik
- D mengambil


3 Pasukan Bomba dan Penyelamat _____ mangsa yang hilang di Gunung Ledang seminggu yang lalu.

- A bertemu
- B ditemui
- C menemui
- D menemukan

4 Ribuan penonton _____ Stadium Bukit Jalil untuk menyaksikan pertandingan akhir bola sepak Piala Malaysia.

- A melimpahi
- B membanjiri
- C menjelaki
- D menduduki

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.




5 Suasana di desa itu agak _____ ketika waktu pagi kerana penduduknya keluar bekerja.

- A senyap
- B tenang
- C damai
- D hening

- 6 Walaupun banglo itu dikatakan berhantu _____ Encik Azmi sanggup menyewanya.
- A namun
B dan
C telah
D kerana

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



- 7 Puan Laila menghabiskan beberapa _____ durian yang terhidang di atas meja.
- A biji
B ketul
C pangsa
D ulas
- 8 Cikgu Ramli sedang mengikuti kursus dalam bidang _____ di Institut Aminuddin Baki.
- A urusan
B pengurusan
C pengurus
D menguruskan

9 Suara penyanyi itu sungguh _____ semasa mendendangkan lagu irama asli.

- A gemersik
- B garau
- C merdu
- D nyaring

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



10 Datuk Izat sedang _____ rotan yang diambil dari hutan untuk membuat kraftangan.

- A membakar
- B memaut
- C melayur
- D melentur


11 Kakak mengambil se _____ cili padi untuk masakan gulai tempoyak ikan keli.

- A cekak
- B cubit
- C butir
- D raut

12 Perdana Menteri Singapura akan tiba di Malaysia pada bulan hadapan.
_____ akan membuat lawatan rasmi selama dua hari.

- A Dia
- B Kami
- C Mereka
- D Beliau

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



13 Pak Umar _____ di kebunnya untuk menampung kehidupan keluarganya.

- A memerah keringat
- B menyingsing lengan
- C menahan panas
- D memikul beban

14 Khairil dan rakan-rakannya masih belum pulang _____ hari sudah
menjelang malam.

- A malahan
- B kecuali
- C walhal
- D tetapi

Soalan 15 berdasarkan gambar di bawah.




15 _____, sakitnya kakiku terpijak duri!

- A Cis
- B Ah
- C Oh
- D Aduh

16 Beberapa orang _____ telah dipilih untuk memperagakan pakaian ciptaan terbaru pereka fesyen itu.

- A peragawati
- B olahragawati
- C peramugari
- D seniwati

Soalan 17 berdasarkan gambar di bawah.



- 17 Peserta pertandingan memancing meletakkan umpan pada _____ mata kail untuk memancing di kolam.
- A sebatang
 - B sepucuk
 - C sebilah
 - D sebentuk
- 18 Kebanyakan pekerja asing yang berhijrah ke Malaysia datang _____ negara jiran.
- A daripada
 - B dari
 - C ke
 - D di
- 19 Jurulatih pasukan hoki negara _____ apabila pemain-pemainnya tidak bermain dengan bersungguh-sungguh.
- A ambil angin
 - B ada angin
 - C makan angin
 - D naik angin

- 20 Layang-layang yang tersangkut pada pokok besar itu _____ apabila angin.
- A terpontang-panting
B melambai-lambai
C bergegar-gegar
D meliang-liuk
- 21 "Berikan _____ sedikit makanan," kata lelaki tua itu kepada Datuk Laksamana.
- A beta
B kami
C patik
D hamba
- 22 Kebanyakan kebakaran yang berlaku disebabkan oleh kecuaian pengguna.
Perkataan seerti kecuaian ialah
- A kerosakan
B kelalaian
C kemusnahan
D kelemahan
- 23 Amira telah dilantik sebagai pengurus Puteri Tunas di sekolahnya.
Perkataan berlawanan dilantik ialah
- A disingkir
B diambil
C dikekalkan
D dilatih

Soalan 24

Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

24 Adakah awak membeli barang-barang yang saya pesan semalam?

- A Barang-barang itu akan saya beli.
- B Entahlah, saya tidak pasti sama ada dibeli atau belum.
- C Ya, barang-barang itu telah saya beli.
- D Belum pasti barang-barang itu dibeli.

Soalan 25

Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.

25 Mawi dapat mengekalkan kehebatannya sebagai penyanyi disukai ramai kerana beliau seorang yang berdisiplin.

- A Bagaimakah Mawi dapat mengekalkan kehebatannya sebagai penyanyi?
- B Berapa lamakah Mawi dapat mengekalkan kehebatannya sebagai penyanyi?
- C Di manakah Mawi dapat mengekalkan kehebatannya sebagai penyanyi?
- D Bilakah Mawi dapat mengekalkan kehebatannya sebagai penyanyi?.

Soalan 26 - 27

Pilih ayat yang sama makna dengan ayat yang diberikan

26 Masa yang terluu selalu digunakan oleh Syahir membantu kerja-kerja ayahnya di sawah.

- A Syahir memang suka membantu kerja-kerja ayahnya di sawah.
- B Syahir selalu menghabiskan masanya dengan membuat kerja-kerja di sawah.
- C Syahir selalu membantu kerja-kerja ayahnya di sawah jika dia mempunyai masa lapang.
- D Ayah Syahir selalu menyuruhnya melakukan kerja-kerja di sawah sekiranya ada masa terluang.

27 “Zarul, tolong simpan bola-bola ini di dalam stor,” kata Cikgu Syukur.

- A Zarul menolong Cikgu Syukur menyimpan bola-bola ke dalam stor.
- B Cikgu Syukur menyuruh Zarul menyimpan bola-bola itu ke dalam stor.
- C Cikgu Syukur dan Zarul menyimpan bola-bola itu ke dalam stor.
- D Cikgu Syukur menyimpan bola-bola di dalam stor.

Soalan 28 - 29

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 28 I Badan datuk mulai susut setelah menghidap sejenis penyakit.
- II Orang Islam dilarang memakai susut.
- III Razi terpaksa menjual kereta mewahnya kerana susut nilai.
- IV Air dalam tasik itu mulai susut sejak musim kemarau.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

- 29 I Kehidupan petani bertambah cerah setelah menerima bantuan daripada kerajaan.
 II Baju kurung yang berwarna cerah itu kepunyaan kakak.
 III Air tasik itu cerah apabila disinari cahaya bulan.
 IV Kawasan bukit-bukau itu cerah setelah diterokai.
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Soalan 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 30 I Setengah penduduk kampung suka tinggal berjiran.
 II Kebersihan bilik darjah hendaklah sentiasa dijaga.
 III Semua murid-murid prasekolah dikehendaki memakai tudung.
 IV Khaleda memulangkan semula komputer riba itu kepada gurunya.
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Keladi bunting merupakan satu hiasan tanaman akuatik yang menarik dan popular di kalangan masyarakat kita pada hari ini. Tanaman hiasan ini adalah jenis yang terapung di permukaan air dari famili tumbuhan Pontederiaceae. Keladi bunting banyak digunakan bagi menghiasi taman air yang bertemakan ala Bali, Nusantara atau Tropika. Ia dikatakan berasal dari negara di Amerika, Tropika.

Daunnya yang membesar dan membuncit dipenuhi dengan pundi udara yang membolehkannya timbul di permukaan air. Ia juga digelar “Water Hyacinths” kerana bunganya mirip bunga Hyacinths. Kelopak bunganya berwarna biru ungu muda dengan corak ungu tua dan kuning di tengah salah satu kelopaknya. Corak ini juga seakan-akan seperti terdapat pada ekor burung merak.

Air merupakan medium tanaman khusus untuk pokok ini. Air hujan ialah medium terbaik untuknya hidup subur namun air paip juga boleh digunakan. Siraman air tidaklah diperlukan tetapi kita harus mengelakkan air takungannya kering yang boleh menyebabkan pokoknya menjadi layu dan mati. Keladi bunting ini perlu menerima pendedahan cahaya matahari kerana air yang sedikit suam membantu keladi ini hidup subur, membiak dan cepat berbunga.

Baja khas yang diperlukan untuk tanaman ini ialah sejenis tablet yang boleh dibeli dari pusat tanaman. Baja kimia cecair atau garam larutan boleh juga digunakan iaitu dengan hanya mlarutkannya terus ke dalam medium tanamannya.

Pokok keladi bunting ini agak tahan lasak kerana boleh hidup dalam keadaan semula jadinya yang kurang nutrien dan air yang kotor seperti di dalam parit. Pokok dewasa akan mengeluarkan banyak anak sulur yang tumbuh dari sisinya jika diberikan pembajaan dan dedahan kepada cahaya matahari yang mencukupi. Anak pokok ini boleh dipotong untuk memisahkan dari induknya agar ia tumbuh menjadi pokok baru.

Kini pokok ini mulai diminati kerana didapati berbunga unik dan menarik untuk dijadikan hiasan taman terutamanya taman akuatik.

31 Apakah medium utama yang diperlukan dalam penanaman keladi bunting ?

- A Garam galian dan baja kimia
- B Air dan cahaya matahari
- C Pasir di pantai
- D Tanah pamah yang berpasir

32 Mengapa pokok ini perlukan pendedahan cahaya matahari yang secukupnya ?

- A Untuk tumbuh dengan subur dan cepat berbunga.
- B Menghasilkan anak pokok yang banyak
- C Mengelakkannya daripada layu dan mati dengan cepat
- D Menghasilkan bunga yang banyak dan berwarna-warni

33 Bagaimakah pokok keladi bunting ini boleh terapung di permukaan air ?

- A Mempunyai akar yang boleh mencengkam di dalam air.
- B Daun-daun yang ringan dan mudah terapung.
- C Pundi udara yang terdapat di dalam daunnya.
- D Mempunyai daun-daun yang lebar dan nipis.

34 Pokok keladi ini dari keluarga famili Pontederiaceae dan berasal dari _____

- A Bali, Indonesia
- B Amerika, Tropika
- C Kepulauan Nusantara
- D Benua Amerika

35 Semua pernyataan berikut adalah benar mengenai petikan di atas kecuali..

- A Tumbuhan keladi ini merupakan tanaman hiasan yang sangat menarik
- B Anak pokok dihasilkan dari sulur yang tumbuh di sisi pokok induk.
- C Keladi bunting menghasilkan bunga dalam tiga warna yang berbeza.
- D Hanya baja dalam bentuk tablet yang digunakan untuk tanaman keladi.

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Ibu,

Kaulah insan istimewa,
Seraut wajahmu *menggambarkan keletihan*,
Segala kepayaan dan kesulitan,
Hanya tersimpan di dalam hati,

Ibu,

Aku tahu,
Gigih dan tekun kau berusaha,
Untuk aku dan adik-adik,
Kini ayah telah tiada,
Ibu tempat kami bergantung,

Terima kasih ibu,
Sungguh besar pengorbananmu,
Jadikan aku anak berilmu,
Takkan kulupa sepanjang hayatku,

Ibu,

Kini aku telah dewasa,
Berjayanya aku hari ini,
Kerana jasamu,
Gembiralah ibu dengan kejayaanku,
Akan kubalas segera penat lelahmu.

36 Apakah jenis puisi di atas?

- A Pantun
- B Syair
- C Sajak
- D Gurindam

37 Mengapa ibu penulis harus bekerja keras untuk membesarakan anak-anak?

- A Penulis belum mampu untuk menyara keluarganya.
- B Mereka sekeluarga telah kehilangan bapa terlebih dahulu.
- C Mereka tidak mahu mengharapkan bantuan daripada orang lain
- D Ibu penulis seorang yang bertanggungjawab terhadap keluarganya.

38 Rangkai kata *menggambarkan keletihan* dalam puisi di atas membawa maksud....

- A menunjukkan rasa letih
- B wajah yang sentiasa muram
- C mencerminkan wajah yang penat
- D rasa kepenatan yang disembunyikan

39 Apakah harapan penulis kepada ibunya?

- A Melahirkan rasa gembira dengan kejayaan yang dicapai oleh penulis.
- B Menjadikan adik-adiknya orang yang berilmu.
- C Berhenti berusaha setelah anak-anaknya berjaya.
- D Sentiasa memberikan ilmu kepada anak-anaknya.

40 Bagaimanakah penulis dapat membalas jasa dan pengorbanan ibunya?

- A Sentiasa menggembirakan hati ibunya setelah dia berjaya.
- B Menyediakan keperluan harian untuk ibu dan adik-adiknya.
- C Berjaya dengan cemerlang dalam pendidikannya.
- D Menjalankan tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh ibunya.

KERTAS SOALAN TAMAT

Skema Jawapan Bahasa Melayu Kefahaman
Paperiksaan Praparcubaan UPSR 2012

No	Jawapan	No	Jawapan
1	B	21	D
2	A	22	B
3	C	23	A
4	B	24	C
5	D	25	A
6	A	26	C
7	B	27	B
8	B	28	C
9	A	29	B
10	C	30	C
11	A	31	B
12	D	32	C
13	A	33	B
14	C	34	B
15	D	35	D
16	A	36	C
17	D	37	C
18	B	38	D
19	D	39	A
20	A	40	A